

42

**KUALA LANGAT . SEPANG**

SELASA 5 SEPTEMBER 2017 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRO - 019-6680920/ 019-3371068 (W)

## Umno Kuala Langat adakan Korban Perdana



Dari kiri: Sulaiman bersama Ketua Pemuda Kuala Langat, Jefrizal Jaafar dan Hafez sedang melapah daging korban.

**SIJANGKANG** - Umno Bahagian Kuala Langat mengadakan Program Korban Perdana di Kampung Batu 7, sempena Aidiladha, kelmarin.

Ketua Umno bahagian itu, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, sebanyak 9 ekor lembu dikorbankan dan dagingnya diagih-agihkan kepada masyarakat Islam setempat.

Beliau berkata, Program Korban Perdana itu diadakan setiap tahun sclaras dengan tuntutan Islam dalam melaksanakan ibadah korban.

"Pengorbanan bukan sesuatu yang mudah kerana ia dilakukan dengan hati yang bersih dan suci. Justeru, pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim dan anakanda baginda, Nabi Ismail wajar dihayati dan dicontohi oleh kita pada hari ini," katanya.

Hadir sama pada program itu Pengurus Majlis Belia Daerah Kuala Langat yang juga Pengurus Belia 4B Selangor, Hafez Shuriddin yang turut menyembelih lembu-lembu korban.

Hafez berkata, penglibatan golongan muda dalam program tahunan itu juga memberikan mereka peluang untuk bersama-sama menghayati erti pengorbanan sebenar, selain menginsafi supaya sentiasa berusaha membantu golongan yang memerlukan.

"Program ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk dan kepemimpinan setempat serta membantu golongan fakir miskin untuk mendapat agihan daging korban," katanya.